

1,000 bakul makanan diagih kepada pemandu teksi di KL

Kuala Lumpur: Sebanyak 1,000 bakul makanan mengandungi barang keperluan harian diagihkan kepada pemandu teksi di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang mengalami kemerosotan pendapatan ekoran COVID-19.

Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri Annuar Musa, berkata pengagihan secara 'one-off' itu bagi menggantikan Program Kenduri Rakyat yang diadakan setiap tahun, memandangkan tahun ini tidak dapat dilaksanakan berikutan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

"Sumbangan bakul makanan dan MyBeras@Wilayah ini, antara usaha kementerian menjamin kebajikan warganya melalui Inisiatif Wilayah Prihatin yang merangkumi aspek ekonomi, kebajikan dan kelangsungan hidup warga kota," katanya dalam kenyataan, semalam.

Pengagihan pertama barangan itu dibuat semalam sempena sambutan Hari Wilayah Persekutuan secara pandu lalu di Lobi Menara 1, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), di sini.

Annuar berkata, penyerahan bakul makanan itu menggunakan peruntukan Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP), DBKL dan Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP).

"Inisiatif ini juga seiring tema sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2021 iaitu 'Wilayah Persekutuan Wilayah Prihatin' yang memberi penekanan kepada pembangunan 'social safety net' dalam kalangan warga Wilayah Persekutuan," katanya.

Beliau berkata, sekam pit beras lima kilogram (kg) juga diagihkan di bawah Program MyBeras@Wilayah yang juga inisiatif tambahan program MyFood@Wilayah.

Katanya, bantuan merusi program Cakna

Kemiskinan ini diagihkan kepada golongan B40 warga Wilayah Persekutuan melalui Majlis Perwakilan Penduduk Wilayah Persekutuan (MPPWP) sebanyak tiga kali seminggu.

"Tempoh agihan sumbangan ini akan dilanjutkan sehingga Jun depan jika mendapat lebih banyak sumbangan daripada orang ramai dan badan korporat," katanya.

Ahli Parlimen Ketereh itu juga meminta syarikat korporat, badan bukan kerajaan (NGO) dan individu menghulurkan sumbangan wang atau beras berserta barangan keperluan dalam usaha membantu golongan kurang berkemampuan ini.

"Bagi yang ingin membuat sumbangan, mereka boleh melakukan melalui portal yayasanwp.org.my/myberas penyumbang bagi meringankan beban golongan berpendapatan rendah yang terkesan pandemik COVID-19," katanya.